

"Saya melihat di universiti tenaga akademik selalunya bertukar ganti dalam perjawatan mengikut kepakaran mereka oleh itu jalinan hubungan manusia dan sistem itu pastinya akan membuatkan mereka lebih bersedia untuk menjadi pentadbir dan diberi peluang kepada semua untuk menjadi pentadbir mengikut kepakaran mereka," katanya lagi.

Manakala bagi Penolong Naib Canselor UUM COB Prof. Mahamad Tayib pula sistem yang baik perlu dilengkapkan dengan ilmu dan berfikiran terbuka bagi mencapai matlamatnya.

"Sistem dan manusia amat penting dalam sumber manusia oleh itu penambahbaikan perlu dilaksanakan kerana dengan sistem sahaja organisasi tidak akan tercapai pelaksanaannya tanpa manusia oleh bagi mencapai kecemerlangan dalam organisasi gabungan manusia dan sistem itu amat penting," kata Pengarah Pusat Penginapan Pelajar, Jabatan Hal Ehwal Pelajar.

Program yang disertai oleh 72 penjawat utama UUM selama dua hari ini dianjurkan oleh Unit Latihan, Jabatan Pendaftaran.

Habis.

=====
DARIPADA:
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
UNIVERSITI UTARA MALAYSIA
TEL.: 04-928 3013/3661/3066/4078
FAKS: 04-928 3016
E-MEL: ukkuum@uum.edu.my